



مريدانن كمالوان نكزي فراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

3. POLISI RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans



POLISI RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA

KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN	3
2	OBJEKTIF	4
3	DEFINISI / TAFSIRAN	5
4	SKOP PEMAKAIAN	7
5	PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN	8
6	PERNYATAAN POLISI	8
7	PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR	9
8	PROSEDUR PENDEDAHAN & RUJUKAN	11
9	PENUTUP	14

1

PENDAHULUAN

- 1.1 Rujukan kepada pihak berkuasa merujuk kepada proses atau tindakan mengalihkan tanggungjawab atau kewibawaan dalam menangani suatu masalah kepada pihak yang mempunyai kuasa untuk menangani masalah tersebut. Dalam konteks pengurusan dan pentadbiran, rujukan kepada pihak berkuasa sering kali terjadi ketika sesuatu organisasi menghadapi masalah yang memerlukan intervensi atau penyelesaian dari pihak yang memiliki kewibawaan (*authority*) atau kuasa yang sesuai.
- 1.2 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) telah memperkenalkan saluran aduan bagi memudahkan Warga Kerja PKNPk dan mana-mana pihak ketiga untuk mengemukakan aduan mengikut saluran yang betul. Adalah menjadi tanggungjawab PKNPk untuk melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan apabila wujudnya pelanggaran undang-undang yang melibatkan Warga Kerja PKNPk atau pihak ketiga.
- 1.3 Oleh itu, Warga Kerja PKNPk atau pihak ketiga digalakkan untuk menggunakan saluran aduan yang disediakan oleh PKNPk, sama ada melalui telefon, emel atau surat, bagi memberi maklumat dan membuat pendedahan tentang sebarang kelakuan tidak wajar (KTW).

2

OBJEKTIF

Objektif polisi ini dibangunkan adalah untuk:

- 2.1 Dijadikan sebagai rujukan bagi memberi kesedaran dan kefahaman tentang perlindungan ke atas pemberi maklumat;
- 2.2 Dijadikan sebagai rujukan tentang proses membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasa yang berkaitan;
- 2.3 Menzahirkan komitmen PKNPk dalam usaha pencegahan rasuah dan jenayah lain disampaikan dengan betul dan jelas kepada semua Warga Kerja PKNPk / pihak ketiga;
- 2.4 Memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dan bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalaman;
- 2.5 Berlaku adil terhadap pemberi maklumat dan pesalah yang dilaporkan; dan
- 2.6 Memelihara kerahsiaan maklumat sulit dan memudahcara pemberi maklumat dalam membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan.

3.1 Pemberi Maklumat

Mana-mana individu, termasuk Warga Kerja PKNPk yang membuat pendedahan tentang kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan.

3.2 Agensi Penguatkuasaan

Agensi / Jabatan Kerajaan yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan undang – undang seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain.

3.3 Warga Kerja PKNPk

Pegawai dan warga kerja yang berkhidmat di PKNPk dan anak syarikat yang mana PKNPk mempunyai kepentingan majoriti, yang dilantik sama ada secara tetap atau pinjam khidmat.

3.4 Kelakuan Tak Wajar (KTW)

Bermaksud Kelakuan Tidak Wajar yang termasuk apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

3.5 Maklumat Sulit

Maklumat sulit termasuklah:

- i. Maklumat tentang identiti, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:
 - a. Seseorang pemberi maklumat; atau
 - b. Seseorang yang mana telah terdapat pendedahan KTW dibuat terhadapnya oleh seseorang pemberi maklumat; atau
 - c. Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat
- ii. Maklumat yang, sekiranya didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

3.6 **Pegawai Diberi Kuasa**

Mana-mana pegawai bagi mana-mana agensi penguatkuasaan dan bagi maksud pelaksanaan polisi ini, pegawai diberi kuasa adalah pegawai dari Unit Integriti dan Governans (UIG) PKNPk.

3.7 **Pegawai UIG**

Pegawai Unit Integriti dan Governans yang menerima maklumat sulit dari pemberi maklumat dan bertanggungjawab untuk melindungi maklumat sulit tersebut.

3.8 **Pegawai Siasatan**

Pegawai UIG yang ditugaskan untuk menyiasat maklumat sulit yang diterima dari pemberi maklumat.

3.9 **KUIG**

Bermaksud Ketua Unit Integriti dan Governans.

3.10 **JLT**

Bermaksud Jawatankuasa Lembaga Tatatertib yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah PKNPk yang terpilih (Pegawai Undang-Undang Negeri), Ketua Eksekutif dan Ketua Unit Integriti dan Governans.

4

SKOP PEMAKAIAN

Polisi ini adalah terpakai kepada semua Warga Kerja PKNPk dan kontraktor, konsultan, pelanggan, pembekal dan *stakeholder* / pihak berkepentingan PKNPk serta orang awam yang berurusan dengan PKNPk. Polisi ini perlu dibaca bersama Enakmen Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) serta peraturan dan prosedur semasa yang disuai pakai oleh PKNPk. Polisi ini meliputi semua KTW yang telah atau sedang berlaku di PKNPk yang berpotensi menzahirkan satu kesalahan jenayah, jika terbukti.

4.1 Polisi ini tidak terpakai kepada perkara berikut:

- i. Laporan yang mengandungi butiran komunikasi sulit atau rahsia yang dilarang oleh undang-undang untuk didedahkan.
- ii. Pelapor dan laporan yang mempersoalkan merit Dasar Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- iii. Laporan yang tidak disertakan nama dan identiti pelapor. Namun begitu, tindakan akan diambil bergantung kepada kesahihan dan kebolehpercayaan maklumat yang dilaporkan.

5

PENGUATKUASAAN & PEMANTAUAN

- 5.1 Pemakaian polisi ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKNPk.
- 5.2 Polisi akan dikaji dari semasa ke semasa dan akan ditambahbaik jika perlu oleh UIG PKNPk.
- 5.3 Maklumat berkaitan polisi ini akan dimaklumkan kepada Warga Kerja PKNPk melalui saluran dalaman dan dimuat naik ke dalam portal rasmi PKNPk.

6

PERNYATAAN POLISI

- 6.1 Polisi ini hanya terpakai bagi pendedahan KTW berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana Warga Kerja PKNPk telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang.
- 6.2 Polisi ini tidak terpakai bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana-mana Warga Kerja PKNPk jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib.

7.1 Pengelasan KTW

- 7.1.1 Pengelasan KTW akan dibuat oleh pihak UIG dan pegawai siasatan sama ada ia tertakluk kepada kesalahan tata tertib atau kesalahan jenayah yang melibatkan pihak berkuasa berkaitan.
- 7.1.2 Tatacara pengurusan aduan PKNPk menetapkan bahawa Pegawai Siasatan yang terlibat dalam siasatan sesuatu aduan itu bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan kepada maklumat yang diperolehi dan hasil penyiasatan. Sebarang kebocoran maklumat boleh membawa kepada tindakan tata tertib diambil terhadap pegawai siasatan tersebut.

7.2 Kesalahan Jenayah

- 7.2.1 Pemberi Maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan polisi ini. Pemberi Maklumat boleh memaklumkan kepada Pegawai UIG PKNPk melalui saluran aduan / maklumat PKNPk seperti berikut:

- i. secara bersemuka;
- ii. menghantar laporan secara bertulis / surat ke UIG di alamat:

Unit Integriti & Governans, PKNPk
Tingkat 4, Menara A PKNPk,
Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh Perak;

- iii. telefon : 05-5019626; atau
- iv. e-mel : integriti@pknpgroup.com.my

-
- 7.2.2 Sekiranya terdapat pendedahan berkenaan KTW, Pegawai UIG perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan dan perlindungan di bawah Akta 711 (Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010).
- 7.2.3 Sekiranya pemberi maklumat bersetuju untuk membuat pendedahan KTW, pegawai UIG akan memudahcara pendedahan dengan merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.
- 7.2.4 Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa apabila Pegawai UIG menerima apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, Pegawai UIG tersebut hendaklah mengubahnya ke dalam bentuk bertulis dan seterusnya mendapatkan pengesahan tentang ketepatan maklumat yang telah dizahirkan dalam bentuk bertulis dari pemberi maklumat.
- 7.2.5 Sekiranya pendedahan KTW telah dibuat kepada Pegawai UIG, maka pegawai tersebut juga mendapat perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711.

8

PROSEDUR PENDEDAHAN & RUJUKAN

- 8.1 Pendedahan harus dibuat melalui Pegawai Siasatan (Sub - unit Pengesanan dan Pengesahan) UIG, PKNPk, yang juga merupakan Pegawai UIG yang telah ditugaskan untuk menyiasat apa-apa pendedahan yang dibuat.
- 8.2 Pendedahan awal
- 8.2.1 Pendedahan awal boleh disalurkan melalui saluran aduan / pemberian maklumat PKNPk dengan cara:
- i. bersemuka;
 - ii. menghantar laporan secara bertulis / surat ke UIG
 - iii. telefon : 05-5019626; atau
 - iv. e-mel : integriti@pknpgroup.com.my
- 8.2.2 Bagi aduan yang dibuat secara bersemuka atau melalui telefon, Pegawai UIG akan menulis pendedahan yang dibuat secara lisan tersebut dan Pemberi Maklumat perlu mengesahkannya. Pendedahan tersebut boleh dibuat di tempat yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh Pegawai UIG.
- 8.2.3 Bagi pendedahan yang dibuat secara e-mel dan surat, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hanya akan dikendalikan oleh Pegawai UIG.

Pendedahan harus mengandungi maklumat sekurang-kurangnya seperti berikut:

- i. Pemberi maklumat:
 - a. Nama;
 - b. Jawatan;
 - c. Nama majikan / tempat bekerja;
 - d. Alamat semasa; dan
 - e. Nombor telefon untuk dihubungi

8.3 Pemberi maklumat mungkin diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.

8.4 Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan

8.4.1 Pegawai UIG akan menapis dan menilai sesuatu maklumat atau pendedahan untuk memastikan sama ada maklumat atau pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku.

8.4.2 Pegawai UIG akan menyediakan laporan untuk JLT.

8.4.3 Pendedahan boleh dibuat secara terus kepada KUIG dalam antara mana-mana situasi berikut:

- i. bila mana pendedahan itu melibatkan kesalahan / salah laku oleh pegawai UIG;
- ii. bila mana pendedahan itu tidak melibatkan pegawai UIG tetapi pemberi maklumat percaya bahawa pegawai UIG ada kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan / salah laku dalam pendedahan tersebut;

dan sekiranya berlaku mana-mana situasi di atas, KUIG boleh mengecualikan Pegawai UIG yang terbabit daripada mengendalikan pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian sebagai Pegawai Siasatan untuk mengendalikan pendedahan tersebut.

8.4.4 Sekiranya pendedahan melibatkan KUIG, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada Pegawai UIG dan pegawai tersebut perlu menyalurkan maklumat atau pendedahan kepada pengerusi JLT tanpa perlu merujuk kepada KUIG terlebih dahulu. Selanjutnya pengerusi JLT bolehlah mengarahkan Pegawai UIG untuk menyediakan laporan awal.

8.4.5 Dalam situasi begini, KUIG tidak akan terlibat dalam kesemua proses tersebut sehingga pendedahan tersebut diputuskan oleh JLT.

8.5 Rujukan Kepada Jawatankuasa Lembaga Tatatertib (JLT)

- 8.5. Laporan awal akan dirujuk oleh Pegawai UIG kepada JLT. JLT mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad bagi perkara-perkara berikut:
- i. pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi;
 - ii. pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman yang lain difikirkan bersesuaian;
 - iii. penyelesaian atau keputusan berdasarkan laporan awal oleh Pegawai UIG tanpa perlu untuk penyiasatan lanjut;
 - iv. mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas pendedahan yang dibuat;
 - v. memutuskan tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang akan diambil ke atas Warga Kerja PKNPk tersebut, di mana tindakan yang akan diambil ke atas Warga Kerja PKNPk, termasuk tindakan disiplin, penurunan pangkat, pertukaran penempatan, penggantungan, atau pemberhentian perkhidmatan;
 - vi. rujukan kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya JLT berpuas hati dan memutuskan bahawa pendedahan / maklumat yang diterima adalah menyamai suatu kesalahan jenayah.

8.6 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat

- 8.6.1 Pemberi Maklumat yang terlibat dalam pendedahan tersebut diminta untuk bekerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan untuk tujuan menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu JLT dalam proses membuat keputusan.
- 8.6.2 Pemberi Maklumat dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status pendedahan yang telah dibuat.

9

PENUTUP

Polisi Rujukan kepada Pihak Berkuasa akan menjadi panduan kepada pihak PKNPk dalam menerima, menyasat, melapor serta menguruskan apa-apa kelakuan tidak wajar yang bersifat jenayah kepada pihak berkuasa berkaitan sekiranya berlaku di PKNPk.



مريدانن كمالوان نكزي فراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

TERIMA KASIH

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Unit Integriti & Governans

